



AUTOBIOGRAFI

OLEH | Muhammad Haji Salleh (Sasterawan Negara)



Istana Keamanan yang tersergam indah, namun dunia masih berperang dan membunuh.

SEORANG PELAJAR DI NETHERLANDS

Saya memasuki Netherlands, dari Jerman, lewat Nijmegen, kota tenggaña negara ini pada 22 Ogos 1963. Nijmegen ialah sebuah kota kecil dan tidak begitu banyak tarikan buat pelajar yang mencari keseronokan mata dan perasaan. Yang mungkin menarik kepada saya ialah hakikat bahawa Prof. Hendrik Maier, teman saya di Universiti Leiden, dilahirkan di sini.



Jadi setelah bersiar-siar sejam dua, saya ke jalan raya untuk mencari tumpangan. Netherlands ialah negara yang sangat tidak rasid, dan di sini saya cepat berjaya mendapatkan tumpangan.

Seterusnya, saya pun ke Rotterdam, pelabuhan terbesar Belanda, iaitu antara wilayah terbesar di dunia. Belanda ialah sebuah negara kecil yang dapat memaksimumkan kehadirannya dengan strategi, teknologi dan ilmu.

Di sinilah terdapat pelabuhan, iaitu tempat kekayaan dan hasil Indonesia dipungah dan dibawa ke seluruh Eropah pada sebelum tahun 1945. Kopi, getah, kayu, kain dan berbagai-bagai jenis logam serta barang lain diangkut ke sini menggunakan kapal layar dan kapal wap/apai.

Saya berjalan di pinggir sejarah, di tepi kolonialisme. Datuk saya juga mengungsi dari kerajaan keras kolonial Belanda yang sangat rakus.

Pelabuhan lama Rotterdam sewaktu malam bermula.



Pemandangan berhampiran Dewan Majlis Bandar dan Pasar Minggu. Leiden terkenal kerana Universiti dan Pasar Minggu.



Bahagian depan rumah Belanda yang ikonik - bertebat layar besar, berwarna-warni dan sempit bukannya di depan.

Selain itu, saya menyaksikan kesibukan pelabuhan yang dianggap kedua tersibuk di dunia ini. Kapal-kapal memenuhi tempat pemunggaan, dan masih banyak lagi kapal di luar yang menunggu dengan sabar.

Namun demikian, saya lebih suka alam dan ladang Belanda. Petaninya ahli dalam hal mengurus air dan mengairi tanah yang sepatutnya sudah ditenggelami laut. Saya mencari Kinderdijk, daerah lembah yang dikhususkan buat anak-anak, supaya generasi baharunya sedar akan asal-usul dan usaha mereka membina negara. Ada kincir angin yang terkenal di situ. Di sini kita memasuki dunia yang agak sempurna wajah dan persekitaran kampungnya.

Daerah Rotterdam cukup padat. Kedua terpadat di Belanda. Namun, di kelilingnya masih terbentang ladang gandum, bunga-bunga dan padang ternakan yang luas. Cukup menarik ialah hakikat bahawa negara Belanda itu merupakan sebuah negara industri, tetapi perusahaan tradisionalnya masih diteruskan

- dan inilah yang membantu mengekalkan alamnya. Perkara menarik yang lain ialah hampir dua per tiga daratannya diambil daripada laut, terutamanya di sebelah barat. Pepatah Belanda dalam terjemahan Inggeris; menyebut *God made the Dutch. the Dutch made Holland.*

KE UTARA

Setelah beberapa jam di Rotterdam, saya mencari tumpangan ke Den Haag, The Hague, iaitu ibu kota Netherlands. Belanda ialah sebuah negara kecil yang boleh dikelilingi dalam masa beberapa jam sahaja dari hujung Friesland hinggalah ke sempadan Belgium di Selatan.

Sekiranya Switzerland berbangga dengan Pusat Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Belanda pula sama mendabik dada kerana di Den Haag, terdapat Peace Palace dan World Court of Justice, iaitu Istana Keamanan dan Mahkamah Dunia, tempat penjenayah diadili oleh sekumpulan hakim

yang terpilih daripada beberapa buah negara ahli PBB. Di sinilah tempatnya Milosovitch dan Vladic, penjenayah Bosnia dibicarakan - yang pertama dihukum penjara seumur hidup (dan, dia mati beberapa tahun yang lalu di dalam penjara), manakala Vladic iaitu jeneralnya, sedang menunggu keputusan penghakiman. Mereka membunuh ribuan orang yang tidak bersalah di Srebrenica pada tahun 1995.

Dari pengamatan saya, Kota Den Haag tidaklah begitu indah, seperti Amsterdam, Hartheem atau Leiden. Namun demikian, kota ini sangat penting kerana banyak rekod pentadbiran dan sejarah Indonesia tersimpan di Arkib Kebangsaannya.

Sementara itu, Den Haag menjadi tempat yang paling banyak penduduk berketurunan Indonesia atau Indo. Kebanyakannya datang ke sini sebelum tahun 1945, iaitu tahun perisytiharan negara baharu - Indonesia. Namun begitu, banyak juga yang datang selepas tarikh ini. Mereka yang menyeberahi Belanda dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan diberikan tempat di Netherlands, dan sebahagian daripada mereka menetap di kota ini.

Saya menaiki kereta api ke Leiden, ke arah utara. Tempoh perjalanan hanya sekitar setengah jam. Leiden sudah lama terkenal sebagai pusat ilmu Nusantara, dan KITLY, iaitu Institut Diraja Antropologi dan Geografi. Di sini terkumpul ribuan buku dan dokumen, manuskrip, surat dan rekod dari Indonesia dan Karibea.



Selain itu, Universiti Leiden juga banyak menyimpan manuskrip dan buku serta bahan arkeologi. Terdapat sebuah muzium antropologi Leiden yang sangat baik di kota ini. Selain itu, di dalam muzium ini juga tersimpan beberapa rangka manusia Guar Kepah, Seberang Perai, yang dibawa ke sini pada kurun yang lalu.

LEIDEN

Dan, seorang pelajar yang sudah lama tidak merasa pelazatan makanan Indonesia, dapat menghidupkannya kembali di sini. Ada restoran yang berbangga dengan makanan Jawa, *rijstaffel* - iaitu hidangan pelbagai makanan Nusantara, dan yang saya cari - makanan Minangkabau yang dekat cita rasanya kepada Melayu. Makanan ini, untuk sementara, memenuhi tujuan perjalanan saya di Belanda!

Setelah keluar dari stesenya, saya berjalan-jalan di kawasan dekat dengan bangunan ikoniknya, dan terus ke utara lagi - ke kota Leiden.

Mengimbau kenangan di dalam kelas Sastera Melayu kami di Alor Setar dahulu, banyak yang merujuk buku Adries Teeuw, *Pokok dan Tokoh* untuk esei kami. Teeuw tinggal di kota Universiti Diraja Leiden ini. Beliau mengajar jurusan Indonesia dan Asia Tenggara.

Namun begitu, sebagai seorang pelajar yang baru berumur 21 tahun, saya tidak berani bertemu dengan beliau yang ternama itu. Jadi, saya hanya berjalan-jalan di *gracht* (tali air), yang mengalir di samping lokasi universiti yang tua dan ternama ini. Di sini terdapat banyak pelajar yang datang dari seluruh dunia. Cukup banyak pula yang berasal dari Indonesia.

Universiti Diraja Leiden, Fakulti Perubatan.



Sebuah *gracht*, tali air di kota ini.

Di kota kecil ini, saya menemukan bangsa Belanda yang sederhana dan sedar diri. Bangsa ini sedar bahawa mereka daripada bangsa yang bernegeri dan berbahasa kecil. Namun begitu, mereka merupakan antara bangsa kolonial terbesar di dunia, berkat kerakusannya dan ketelicikannya.

Di lorong atau jalan di sini, rumahnya tidak dijadikan bahan pertandingan. Cara hidup mereka juga cukup sederhana. Kebanyakan penduduknya ke tempat kerja menaiki basikal (buatan Belanda) yang kukuh, atau pun menaiki bas dan kereta api yang mempunyai jaringan luas mencapai semua kampung dan desa. Lorong basikalnya juga menjadi kebanggaan - seseorang itu dapat mengayuh basikalnya ke mana-mana pun di negeri Belanda. Begitu baik dan lengkap jaringannya. Walaupun begitu, ada juga yang memiliki kereta, tetapi kenderaan ini hanya digunakan untuk ke tempat jauh pada hujung minggu sahaja. Belanda sendiri menghasilkan kereta dan lori berjenama Daf, tetapi jenama tersebut kalah kepada kenderaan buatan Jerman dan Jepun, dan akhirnya bercantum dengan syarikat lainnya.

Di kota pelajar ini, apa lagi yang ada? Basikal ditemui di mana-mana, disusun dengan baik atau berselerak. Beberapa bulan sekali akan ada pencuci tali air yang akan mengairinya (basikal itu) dari dalam air!

Bahagian depan rumah Belanda yang ikonik - bertebat layar besar, berwarna-warni dan sempit bukannya di depan. ❏